



SG Digital

Kit Permulaan
GrabFood



TAHUKAH ANDA?




Anda boleh memilih sama ada ambil sendiri atau penghantaran apabila anda membeli makanan melalui aplikasi! Sesetengah restoran memberi potongan harga jika anda mengambil makanan sendiri. Ada juga yang menawarkan penghantaran percuma apabila anda membuat pesanan dengan mereka!

LANGKAH 1 Pasang Aplikasi Grab di telefon bimbit anda

Pergi ke **Apple App Store**  atau **Google Play Store**  untuk muat turun **Aplikasi Grab** dan lancarkan aplikasi tersebut.

1. Untuk pengguna iOS, ketik '**Get**' (dapatkan) untuk muat turun aplikasi.
2. Untuk pengguna Android, ketik '**Install**' (pasang) untuk muat turun aplikasi.





LANGKAH 2 Pasang Aplikasi Grab di telefon bimbit anda



3. Ketik '**New to Grab? Sign up!**' (Baharu dengan Grab? Daftarkan!) untuk pendaftaran akaun.
4. Masukkan nombor telefon bimbit anda. Kod pengesahan 6 digit akan dihantar ke telefon bimbit anda untuk mengaktifkan akaun.
5. Masukkan kod pengesahan 6 digit yang dihantar kepada anda.

LANGKAH 3

Cari di GrabFood dan masukkan makanan/item kegemaran anda ke troli (cart)



6. Ketik '**Food**' (Makanan) untuk melihat restoran yang tersedia ada di kawasan anda.
7. Ketik nama restoran pilihan anda yang tersenarai dalam aplikasi.
8. Pilih makanan dan ketik '**Add to Basket**' (Tambahkan ke Bakul).
9. Semak alamat penghantaran dan jumlah keseluruhan sebelum membuat pesanan. Ketik '**Place Order**' (Buat Pesanan) selepas semakan.

Petua keselamatan siber

- Tetapkan PIN 6 digit GrabPay untuk memastikan pembayaran lebih selamat.
- **Jangan** sekali-kali dedahkan OTP, kata laluan atau maklumat peribadi anda yang lain kepada sesiapa sahaja atau laman web yang tidak diketahui/dikenali.
- **Jangan berikan** maklumat peribadi kepada laman web atau aplikasi pihak ketiga yang menuntut sebagai Grab. Semua permintaan maklumat yang diperlukan untuk tujuan pengesahan akan dijalankan dalam aplikasi Grab.